

SEREMBAN, Ahad — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam tadi melahirkan rasa keciwanya kutipan derma bagi pembinaan Ibupejabat UMNO Malaysia tidak mendapat sambutan orang ramai.

Sewaktu berucap di majlis makan malam mengutip derma tabung pembinaan Wisma UMNO Negeri Sembilan di sini, beliau berkata, keadaan itu wujud kerana pemungut derma yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawab seperti diharapkan.

Jika setiap ahli UMNO menderma \$1 sebulan kepada tabung ini, katanya, kutipan yang akan terkumpul sehingga hari ini ialah \$7.2 juta.

Lebih rendah

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, kutipan derma yang diterima sehingga ini adalah jauh lebih rendah dan akan memalukan setiap anggota UMNO jika disebutkan jumlahnya.

Jika setiap peringkat UMNO menjalankan usaha bersungguh-sungguh, matlamat kutipan yang dirangkaikan tentu tercapai.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, wang \$1 tidaklah membebankan ahli-ahli UMNO tetapi keengganan mereka membayarnya adalah berikutan kelemahan usaha pengutip-pengutip yang dilantik.

Bagaimanapun, terdapat bahagian-bahagian UMNO yang

Derma bina Ibupejabat UMNO

Dr. M kesal sambutan dingin

berusaha bersungguh-sungguh menjalankan kutipan ini dan dapat mengumpul wang banyak.

Beliau menuji usaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan kerana berjaya mengadakan Majlis makan malam itu dan mengutip derma \$600,000.

Tauladan

Usaha sedemikian patut dijadikan tauladan kepada setiap peringkat UMNO dalam menjayakan projek mengutip derma

bagi pembinaan Ibupejabat UMNO Malaysia.

Dalam majlis malam tadi, Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan telah menderma \$200,000 dari kutipannya kepada tabung pembinaan Ibupejabat UMNO Malaysia.

Cek tersebut disampaikan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir oleh Menteri Besar Datuk Rais Yatim. UMNO Negeri Sembilan sehingga ini telah menderma \$308,000 kepada tabung itu.